Implikasi Musaqah Untuk Pembangunan Tanah Wakaf

Pendahuluan

-Wakaf merupakan suatu amalan yang disyariatkan oleh Islam kerana dengan amalan wakaf
seseorang itu dapat membantu sesama insan yang memerlukan kepada pertolongan selain
daripada menjadikannya salah satu ibadat.
-Wakaf juga dikenali sebagai sedekah.
-Berdasarkan kepada takrifan waqaf harta waqaf ini adalah tertahan dari sudut pemilikannya dan manfaatnya boleh dinikmati bersama demi membangunkan sosial dan ekonomi umat Islam secara amnya.

Permasalahan dan persoalan

1. Apakah jenis pembangunan yang boleh dibuat?
2. Daripada manakah dapat diperolehi dana atau pembiayaan untuk membangunkan tanah wakaf?

Jawapan

1. Wakaf tidak sahaja perlu bertumpukan kepada pembangunan hartanah malah boleh juga dalam berbentuk kemudahan awam seperti mesin air, kerusi dan meja dan sebagainya.
2. Dana boleh diperoleh wang sendiri, ataupun melalui persatuan ataupun permohonan dari pihak kerajaan.

Kontrak musaqah dan wakaf pertanian

-Musaqah iaitu **usahasama pengurusan dalam pertanian** dan dari segi bahasa bererti saling
menyiram, dari segi syara' bererti satu kontrak penyerahan tanaman atau pohon kepada orang yang menjaga memelihara tanaman dengan agihan hasil atau ianya merupakan satu kontrak kerja berdasarkan hasil tanaman.

Kontrak musaqah dan wakaf pertanian (cont)

- satu bentuk penyerahan pemilik tanaman kepada penjaga yang melakukan kerja pembaikan, pengairan dan perkara yang berkaitan dengan syarat pengurusan akan diberi upah berdasarkan hasil tanaman.

Rukun Musaqah

1. Kedua pihak yang berkontrak
2. Punca kerja atau Objek Musaqah
3. Buah
4. Kerja
5. Ijab & Qabul

Hukum

- **tidak diharuskan** usahasama pengurusan dan mereka menganggap agihan melalui hasil buah sebagai perkara yang tidak sah kerana bagi mereka, ia merupakan upah melalui hasil buah yang mana dilarang
oleh syara'
-Pendapat mereka berasaskan hadis rasulullah yang bermaksud:
"Sesiapa yang mempunyai tanah hendaklah dia mengusahakan dengan bercucuk tanam dan tidak ada pembahagian yang lain sama ada 1/3
ataupun ¼ dan tidak ada hak yang ditentukan"

Operasi Musaqah Dalam Pembangunan Wakaf Pertanian



Operasi Musaqah dalam bangunkan wakaf pertanian

1. Pengumpulan modal kutipan dari orang ramai melalui saham dan sumbangan.
2. Pihak berkuasa memilih orang miskin yang betul layak dan sihat dari segi fizikal dan mental.
3. Pihak berkuasa menyediakan sebidang tanah dan modal kepada orang yang dipilih untuk dibangunkan tanah itu.
4. Pengusaha mengusahakan tanaman dan menjual hasilnya.
5. Hasil jualan diberi mengikut persetujuan kontrak yang dibuat.

Hikmah Pensyariatan Kontrak Musaqah

-Dapat membangunkan tanah-tanah wakaf yang terbiar dan secara tidak langsung dapat membantu golongan miskin untuk menjana pendapatan dengan hasil jualan tanaman yang dikongsi bersama dengan pihak majlis agama Islam negeri.
-Bagi memenuhi keperluan manusia dan memudahkan mereka memenuhi kepentingan bersama tanpa memudaratkan diri sendiri dan orang lain.
-Pengusaha akan lebih rajin dan bersemangat untuk bekerja kerana jika hasil diperolehi banyak,maka keuntungan agihannya pon banyak.

Kesimpulan

-Kontrak musaqah ini dapat menjadi pemangkin ataupun penggerak kepada pembangunan wakaf di Malaysia.
-Tanah wakaf yang terbiar dapat dioptimumkan sebaik mungkin bagi menjana pendapatan
yang lebih tinggi serta dapat membasmi kemiskinan yang sedia ada.
-Dengan musaqah, boleh mengatasi masalah pembangunan harta wakaf di Malaysia.

Sponsored by **Readable.com**
Measure your website readability!
https://readable.com